Arahan: Soalan 1 hingga soalan 20 :
**Hitamkan** jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.
Pilih satu jawapan daripada A, B, C atau D.

| |
|---|
| Islam adalah agama yang sesuai diamalkan oleh semua bangsa dan budaya. |

1. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud _________.
   **A** syumuliyyah
   **B** alamiyyah
   **C** rububiyyah
   **D** ukhrawiyyah

2. Antara yang berikut yang manakah pernyataan yang **tidak benar**?
   **A** Agama Islam sesuai dengan fitrah manusia
   **B** Sumber utama akidah Islam ialah al-Quran sahaja
   **C** Islam adalah agama yang tinggi kerana datang daripada Allah SWT yang Maha Esa
   **D** Beriman kepada Allah SWT adalah asas kepada Rukun Iman yang lain

3. Antara yang berikut yang manakah **bukan** ciri akidah yang benar?
   I Percaya terhadap kewujudan Allah SWT
   II Mentauhidkan Allah SWT
   III Menafikan kekuasaan Allah SWT
   IV Mensyirikkan Allah SWT

   **A** I dan II
   **B** I dan III
   **C** II dan III
   **D** III dan IV

4. Bukti yang menunjukkan Allah SWT sebagai al-Khaliq ialah _______.
   **A** proses penciptaan manusia
   **B** proses kejadian alam
   **C** proses kejadian haiwan
   **D** peredaran cakerawala di angkasa

5. Maksud iman dari segi bahasa ialah _______.
   **A** menafikan
   **B** membersihkan
   **C** menghalang
   **D** membenarkan



6. Berikut adalah perkara rukun solat **kecuali**
   **A** berdiri bagi yang mampu
   **B** takbiratulihram
   **C** membaca surah al-Fatihah
   **D** membaca doa iftitah

7. Antara yang berikut yang manakah **bukan** najis mukhafaffah?

A Darah
B Muntah
C Air kencing
D Tahi anjing

8. Antara berikut, yang manakah syarat sah solat?

I Baligh

II Berakal

III Menutup aurat

IV Yakin masuk waktu

A I dan II

B II dan III

C III dan IV

D I dan IV

9. Antara yang berikut yang manakah **bukan** sunat ab'ad?

A Duduk tahiyat awal
B Membaca tahiyat awal
C Selawat ke atas Nabi selepas tahiyat awal
D Mengangkat tangan ketika takbiratulihram

| |
|---|
| Air yang suci tetapi tidak boleh digunakan untuk bersuci |

10. Pernyataan di atas merujuk kepada maksud ________.

A air mutlak
B air mustakmal
C air mutannajis
D air musyammas

11. Tarikh kewafatan Rasulullah SAW ialah



A 12 Rabiulawal Tahun 11 Hijrah.
B 11 Rabiulawal Tahun 11 Hijrah.
C 12 Rabiulawal Tahun 13 Hijrah.
D 11 Rabiulawal Tahun 12 Hijrah.

12. Pernyataan di bawah tidak benar mengenai sebab perutusan Rasulullah SAW kepada masyarakat Arab jahiliah **kecuali**

A masyarakat Arab jahiliah mempunyai nilai negatif
B mengamalkan khurafat dalam kehidupan
C memerlukan pemimpin yang berkaliber dan berani
D semenanjung Arab terletak di antara empatt kuasa besar dunia

13. Beliau ialah khalifah Islam yang ketiga.

A Khalifah Umar bin al-Khattab.
B Khalifah Uthman bin Affan.
C Khalifah Abu Bakar bin al-Siddiq.
D Khalifah Ali bin Abi Talib.

- Kepercayaan yang dianuti oleh penyembah api.
- Pada malam kelahiran Rasulullah SAW, api yang disembah oleh penganut ini di Parsi telah padam.
- Api tersebut tidak pernah padam selama 1000 tahun sebelum kelahiran Rasulullah SAW.

14. Pernyataan di atas merujuk kepada ________________.

Section Break(Continuous)

A Agama Hanif
C Agama Nasrani
B Agama Yahudi
D Kepercayaan Majusi

15. Pilih akhlak baik masyarakat Arab sebelum kerasulan Nabi Muhammad SAW.

I Bercakap benar
II Taat kepada pemimpin
III Menepati janji
IV Menghormati bulan Rejab

A I dan II

B I dan III



C II dan III

D II dan IV Section Break(Continuous)

Section Break(Continuous)

16. Semua yang berikut ialah maksud akhlak dari segi bahasa **kecuali**

A budi pekerti.
B watak.
C idola.
D kelakuan.

- Tidak memungkiri janji.
- Membudayakan ucapan terima kasih.

17. Pernyataan di atas merujuk kepada _______. Section Break(Continuous)

A pakaian yang sopan
B tingkah laku yang baik
C menjaga batas pergaulan
D percakapan yang bermaruah Section Break(Continuous)

Section Break(Continuous)

18. Cara menjaga maruah diri terbahagi kepada tiga aspek, **kecuali**

A pakaian.
C tingkah laku.
B percakapan.
D tidak menutup aurat.

19. Kekuatan umat Islam bergantung kepada ketinggian ____________ umat Islam itu
sendiri. Section Break(Continuous)

A sifat
C maruah
B akhlak
D peribadi Section Break(Continuous)

20. Berikut merupakan implikasi tidak memelihara akhlak **kecuali**

Adibenci oleh adik beradik.
Bmendapat kemurkaan Allah SWT.
Cmenjatuhkan maruah diri.
Ddipandang hina oleh manusia.

## BAHAGIAN B
[20 markah]

1 (a) Firman Allah SWT:

> وَلَنَبْلُوَنَّكُم بِشَيْءٍ مِّنَ ٱلْخَوْفِ وَٱلْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ ٱلْأَمْوَٰلِ وَٱلْأَنفُسِ وَٱلثَّمَرَٰتِ ۗ وَبَشِّرِ
> ٱلصَّٰبِرِينَ ١٥٥ ٱلَّذِينَ إِذَآ أَصَٰبَتْهُم مُّصِيبَةٌ قَالُوٓا۟ إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّآ إِلَيْهِ رَٰجِعُونَ ١٥٦
>
> (Surah al-Baqarah: Ayat 155-156)

Ayat di atas menerangkan bentuk-bentuk musibah yang Allah SWT timpakan kepada manusia.

Berdasarkan ayat, tandakan ( ✓ ) pada bentuk musibah dan ( X ) pada yang bukan bentuk musibah tersebut.

| No. | Pernyataan | Tanda ( ✓ ) atau ( X ) |
|---|---|---|
| (i) | Perasaan takut. | |
| (ii) | Keluarga yang bahagia. | |
| (iii) | Kelaparan dan kebuluran. | |
| (iv) | Kehilangan harta benda. | |

[4 markah]

(b) Jelaskan cara yang boleh dilakukan ketika menghadapi musibah.



[2 markah]

(c) Tulis semula petikan di bawah dengan menggunakan tulisan jawi.

> Setiap orang Islam hendaklah sabar dan tabah apabila menerima musibah. Hal ini demikian kerana Allah akan memberi ganjaran yang baik terhadap mereka yang sabar menghadapi ujian-Nya.

[4 markah]

2 (a) Sabda Rasulullah SAW:

| |
|---|
| عَنْ أَمِيرِ الْمُؤْمِنِينَ أَبِي حَفْصٍ عُمَرَ بْنِ الْخَطَّابِ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ قَالَ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللهِ صلى الله عليه وسلم يَقُولُ: إِنَّمَا الأَعْمَالُ بِالنِّيَّاتِ وَإِنَّمَا لِكُلِّ امْرِئٍ مَا نَوَى. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ فَهِجْرَتُهُ إِلَى اللهِ وَرَسُولِهِ، وَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ لِدُنْيَا يُصِيبُهَا أَوْ امْرَأَةٍ يَنْكِحُهَا فَهِجْرَتُهُ إِلَى مَا هَاجَرَ إِلَيْهِ. ((متفق عليه)) |

Hadis di atas menerangkan tentang kepentingan sifat ikhlas dalam melakukan sesuatu perkara.

Berdasarkan hadis, padankan potongan hadis di bawah dengan maksud yang betul.

| | |
|---|---|
| i. إِنَّمَا الأَعْمَالُ | Sesiapa yang berhijrah kerana Allah |
| ii. فَمَنْ كَانَتْ هِجْرَتُهُ إِلَى | Sesungguhnya setiap amalan berasaskan niat |
| | Sesiapa yang berhijrah kerana dunia |

]



(b) Nyatakan **dua** ciri orang yang ikhlas dalam melakukan ibadah dan pekerjaan.

1. ______________________________

2. ______________________________

[2 markah]

(c) Jelaskan kepentingan ikhlas dalam melakukan sesuatu ibadat.

______________________________

______________________________

[2 markah]

| |
|---|
| Ikhlas merupakan satu sifat yang tidak dapat dilihat dan diukur dengan mata kasar. |

(d) Pada pendapat anda, mengapakah Islam sangat mementingkan sifat di atas dalam setiap perbuatan?

______________________________

______________________________

______________________________

______________________________

[4 markah]